

CNS2102

R GB 18-02 00204 BH415

Rah

Mahathir - Fatwa

KUALA TERENGGANU, 18 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri berkata, fatwa melarang wanita Islam bekerja malam hanya akan mengurangkan tenaga kerja umat Islam dan sekaligus melembatkan pembangunan ekonomi umat Islam sendiri.

Fatwa sedemikian dikeluarkan oleh orang tertentu dengan tujuan mereka, yang tertentu, katanya semasa merasmikan perayaan jubli perak Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT), di sini hari ini.

+Ini (wanita Islam berkerja malam) bukanlah salah, tetapi sebaliknya dapat menyumbang untuk kejayaan umat Islam supaya dapat bersaing dengan kaum-kaum lain. Kalau kita larang orang kita bekerja, kita akan melambatkan pembangunan kita sendiri,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, umat Islam mestilah sanggup menghadapi cabaran bersaing dengan kaum-kaum lain untuk memajukan umat Islam.

+Amatlah bodoh cuba merobohkan benteng batu dengan kepala sendiri kerana sebaliknya kepala sendiri yang akan bengkak, dan ini memang sudah mula dirasai oleh sesetengah pihak,+ katanya.

Sambutan jubli perak itu akan diadakan selama sebulan dengan pelbagai kegiatan seperti pameran, perbanding dan malam penghargaan untuk kakitangan PMINT dan orang ramai.

PMINT yang ditubuhkan pada tahun 1965 memulakan perusahaan menanam kelapa sawit di ladang Sungai Tong tidak jauh dari sini merupakan perbadanan kemajuan ekonomi yang tertua di Malaysia. -- Bernama

♥18/02/13-51MST